

**PERANAN GOLONGAN ELIT AGAMA DI TERENGGANU  
DALAM BIDANG PENDIDIKAN, PENTADBIRAN, DAN POLITIK,  
1910-1961**

**oleh**

**MINI WALEK @ KHAIRIL KHALID BIN JUSOH**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**OGOS 2008**



## **PENGAKUAN**

Saya akui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali ringkasan dan nukilan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**MINI WALEK @  
KHAIRIL KHALID BIN JUSOH  
(SOM 0073)**

21 OGOS 2008

19 SYAABAN 1429

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan kurniaNya saya diberikan kekuatan dan kesungguhan untuk menyelesaikan penyelidikan tesis sarjana sejarah ini.

Dalam kesempatan ini penyelidik ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga khas kepada Profesor Madya Dr. Mohd Isa bin Othman, selaku penyelia utama tesis Sarjana Sejarah ini yang telah banyak meluangkan masa, memberikan tunjuk ajar serta bimbingan di sepanjang proses menyiapkan catatan sejarah ini, malah pandangan yang membina sering diberikan pada setiap kali pertemuan. Penghargaan juga ditujukan untuk Dr. Azmah Manaf selaku Penyelia Bersama yang turut menyumbang tunjuk ajar kepada penulis. Tidak lupa kepada seluruh warga Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM terutama kepada Puan Arifatul yang banyak membantu penyelidik dalam banyak perkara sepanjang di USM. Begitu juga kepada seluruh warga IPS dan USM terima kasih diucapkan. Pada kesempatan ini juga penyelidik ingin memberikan penghargaan kepada semua pihak yang turut terlibat memberikan bantuan dan pandangan bagi menyiapkan tesis sarjana sejarah yang berjudul “Peranan Golongan Elit Agama di Terengganu Dalam Bidang Pendidikan, Pentadbiran dan Politik, 1910 hingga 1961”

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada ibu-ibu bapa-bapa yang dikasihi dan isteri tersayang Kasma bt. Abdul Rahman. Penghargaan yang sama buat buah-buah hati pengarang jantung, Kak Umi, Abang Wan, Angah, Alang, Ateh dan Aicah yang menjadi inspirasi kepada penyelidik dalam menyiapkan tesis ini. Semoga kejayaan ini

akan menjadi dorongan buat kalian. Ingatan dan pesanan untuk anak-anakku anak-anak bangsa teruskan perjuangan dalam semua bidang kerana Allah, seperti pejuang-pejuang golongan elit agama di Terengganu.

Tidak lupa kepada rakan-rakan yang turut sama memberi semangat bagi menyiapkan penyelidikan ini. Dr. Ismail, Muzammil, Dr. Ishak dan lain-lain. Kepada Cikgu Shahidah Hashim (Kak Dah) dan *Teacher* Hajjah Noraini Murad Samsuddin, terima kasih atas bantuan kalian dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Terima kasih daun keladi.

“Banyak orang yang mempunyai kemampuan tetapi hanya sedikit yang mempunyai semangat.” Akhir kata, semoga catatan sejarah ini dapat dimanfaatkan buat semua pembaca serta mendapat keberkatan Ilahi.

## SUSUNAN KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI SINGKATAN	xi
ABSTRAK	xiv
<i>ABSTRACT</i>	xvi
<b>BAB SATU : PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Objektif Kajian	2
1.2 Justifikasi Kajian	4
1.3 Skop Kajian	4
1.4 Kajian Lepas	5
1.5 Metodologi Kajian	11
1.6 Takrifan Elit	12
1.7 Organisasi Teks	16
<b>BAB 2 : PERKEMBANGAN GOLONGAN ELIT AGAMA DI TERENGGANU SEBELUM TAHUN 1910</b>	
2.1 Sejarah Awal Terengganu	19
2.2 Perkembangan Islam Di Terengganu	20
2.3 Batu Bersurat: Peranan Golongan Elit Agama di Terengganu	27
2.4 Perkembangan Golongan Elit Agama Di Terengganu	35
2.5 Peranan Elit Agama Dalam Pendidikan Sebelum 1910	47
2.5.1 Institusi Pengajian Pondok Sheikh Abdul Malek	48

2.5.2 Peranan Sheikh Abdul Kadir Dalam Sistem Pendidikan Islam	50
2.6 Peranan Elit Agama Dalam Pentadbiran dan Politik hingga 1910	53
2.7 Peranan Golongan Elit Agama Dalam Menghadapi Ancaman Thai Sebelum 1910	59
2.8 Peranan Golongan Elit Agama Dalam Menghadapi Ancaman British Sebelum 1910	71
<b>BAB 3 : PERANAN GOLONGAN ELIT AGAMA MENGHADAPI PENJAJAHAN BRITISH 1909 HINGGA 1941</b>	
3.1 Peranan Golongan Elit Agama Dalam Institusi Pendidikan	79
3.1.1 Peranan Golongan Elit Agama dalam Institusi Pondok di Besut	92
3.2 Peranan Golongan Elit Agama dalam Undang-Undang Tubuh 1911	100
3.3 Peranan Golongan Elit Agama dalam Pentadbiran dan Perundangan	106
3.4 Peranan Golongan Elit Agama dalam Politik Menghadapi Pakatan Thai dan British Semasa Pemerintahan Sultan Zainal Abidin III	128
3.5 Peranan golongan Elit Agama Dalam Menghadapi Penjajahan British	137
3.6 Peranan Sultan Muhammad II dan Golongan Elit Agama Menghadapi British	144
3.7 Faktor-faktor Penglibatan Golongan Elit Agama dalam PenentanganTani	170
3.8 Peranan Golongan Elit Agama dalam Penentangan Tani 1922-1928	175
3.9 Peranan Golongan Elit Agama dalam Sarekat Islam	204

**BAB 4 : PERANAN GOLONGAN ELIT AGAMA MENGHADAPI  
ZAMAN PERANG DAN PERSAINGAN IDEOLOGI  
(1942 – 1961)**

4.1	Dasar Pelajaran British dan Jepun	209
4.2	Peranan Golongan Elit Agama Dalam Pendidikan Islam Selepas 1942	214
4.2.1	Peranan Golongan Elit Agama dalam Penubuhan Madrasah Sultan Zainal Abidin	217
4.3	Peranan Golongan Elit dalam Pentadbiran Semasa Pendudukan Jepun	223
4.3.1	Peranan Golongan Elit Agama dalam Pentadbiran Semasa Jepun	225
4.3.2	Peranan Golongan Elit Agama Semasa Pentadbiran Thai	235
4.4	Peranan Golongan Elit Agama dalam Pertubuhan-Pertubuhan Politik	243
4.4.1	Peranan Golongan Elit Agama dalam KMM Terengganu	244
4.4.2	Peranan Golongan Elit Agama dalam PKMM Terengganu	253
4.4.3	Peranan Golongan Elit Agama PASPAM Terengganu	256
4.4.4	Peranan Golongan Elit Agama dalam Persekutuan Melayu SaTerengganu(PMST) dan Persatuan Melayu Kemaman(PMK)	258
4.4.5	Peranan Golongan Elit Agama dalam Persekutuan Melayu Dungun (PMD)	262
4.4.6	Peranan Golongan Elit Agama dalam Persatuan Kebangsaan Islam Terengganu (PERKASA)	263
4.5	Peranan Golongan Elit Agama dalam Penentangan Terhadap Malayan Union	266



**BAB LIMA : PERANAN DAN PENGLIBATAN GOLONGAN  
ELIT AGAMA DALAM POLITIK KEPARTIAN  
UMNO DAN PAS**

5.1	Pembentukan Golongan Elit Agama Dalam Politik Kepartian Parti Pas Dan UMNO	276
5.2	Peranan Golongan Elit Agama dalam UMNO	284
5.3	Peranan Golongan Elit Agama dalam PAS	293
5.2	Peranan Golongan Elit Agama UMNO dan PAS dalam Persaingan Politik di Terengganu	301
5.3	Peranan Golongan Elit Agama UMNO dan PAS dalam Pilihanraya Umum 1969 dalam Pembentukan Kerajaan pimpinan PAS	312
5.4	Peranan Golongan Elit Agama dalam Kejatuhan Kerajaan Pimpinan PAS 1961	327
	<b>BAB ENAM : KESIMPULAN</b>	339

## SENARAI JADUAL

	<b>Muka Surat</b>	
2.1	Kedudukan Koloni Arab	41
4.1	Dasar British Untuk Pendidikan Sekular Melayu	210
5.1	Keputusan Pilihanraya Majlis Perundangan di Persekutuan di Terengganu	308
5.2	Keputusan Pilihanraya Umum 1959	310
5.3	Bilangan dan Peratus Pengundi di Negeri Terengganu	316
5.4	Perbelanjaan Tahun 1957-1964 daripada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Terengganu	325

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Muka Surat</b>
1.1 Kedudukan Elit Terengganu Mengikut Heather Sutherland	13
1.2 Kedudukan elit Terengganu Mengikut Shaharil Talib Robert	14
2.1 Salasilah Keturunan Syed	38
2.2 Salasilah Keturunan Syed di Terengganu	43

## SENARAI LAMPIRAN

		<b>Muka Surat</b>
1	Lampiran I- Senarai Gambar	374
2	Lampiran II- Salasilah Sultan-Sultan Terengganu	382
3	Lampiran III-Tokoh Elit Agama dan Penulisan Kitab	383
4	Lampiran IV- Golongan Elit Agama Yang Menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Terengganu 1911	384
5	Lampiran V- Nama-Nama Mufti Negeri Terengganu	386
6.	Lampiran VI-Nama-Nama Pesuruhjaya Agama Islam Negeri Terengganu	387
7.	Lampiran VII- Tokoh Parti PAS dan UMNO di Negeri Terengganu	389
8.	Lampiran VIII-Pemberitahuan Penurunan Takhta Sultan Muhammad Ibn Al-Marhum Sultan Zainal Abidin III	391
9.	Lampiran IX- Pelantikan Sheikh Hassan Said Yamani Sebagai Mufti Terengganu Oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah Pada 22 Rajab 1361	392
10.	Lampiran X-Pelantikan Sheikh Hassan Said Yamani Sebagai Mufti Terengganu Oleh Sultan Ali Ibn al-Marhum Zainal Abidin III	393
11.	Lampiran XI-Petikan Tulisan Ibrahim Yaakob Mengenai Pendirian KMM	394
12.	Lampiran X11-Peta Persempadanan Pilihanraya 1959 di Negeri Terengganu	395
13.	Lampiran XIII- Keputusan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Terengganu 1959	396

## SENARAI SINGKATAN

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
AJK / JK	-	Ahli Jawatankuasa / Jawatankuasa
AMCJA	-	All- Malayan Council of Joint Action
API	-	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	-	Angkatan Wanita Sedar
bil.	-	bilangan
BMA	-	British Military Administration
CO	-	Colonial Office
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
dlm.	-	dalam
DYMM	-	Duli Yang Maha Mulia
ed	-	edisi
En.	-	Encik
FMS	-	Federated Malay States
Hlm.	-	halaman
Hj / Hjh	-	Haji / Hajah
IMP	-	Independence of Malay Party
Jld.	-	Jilid
JMBRAS	-	Journal of Malayan/Malaysia Royal Asiatic Society
JPM	-	Jabatan Pengajian Melayu
JRASMB	-	Journal of Royal Asiatic Society Malaysian Branch
JSBRAS	-	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society

JSEAH	-	Journal of South East Asian History
JSEAS	-	Journal of South East Asian Studies
KMM	-	Kesatuan Melayu Muda
KMS	-	Kesatuan Melayu Singapura
MBRAS	-	Malaysian Branch of the Asiatic Society
MCA	-	Malay Chinese Association
MCKK	-	Malay College Kuala Kangsar
MDSS	-	Malaysia Dari Segi Sejarah
MIC	-	Malayan Indian Congress
MIH	-	Malaysia In History
MPAJA	-	Malayan People's Anti-Japanese Army
MZSA	-	Madrasah Sultan Zainal Abidin III
NNS	-	Negeri-negeri Selat
OP. CIT	-	opere citcto ( Latin) bermaksud 'hasil yang telah dikutip'
PAS	-	Parti Islam Sa-Malaya / Parti Islam Se-Malaysia
PASPAM	-	Persatuan Sahabat Pena Malaya
PMD	-	Persekutuan Melayu Dungun
PMST	-	Persekutuan/Persatuan Melayu SaTerengganu
peny.	-	penyunting
penyel.	-	penyelenggara
Paspam	-	Persaudaraan Sahabat Pena
PETA	-	Pembela Tanahair / Giyugun
PKM	-	Persatuan Komunis Malaya
PKMM	-	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PTM	-	Persekutuan Tanah Melayu

SPR	-	Suruhanjaya Pilihanraya
SZA III	-	Sultan Zainal Abidin III
t.d.	-	tiada data
t.t.	-	tiada tarikh
terj.	-	terjemahan
th.	-	tahun

# **PERANAN GOLONGAN ELIT AGAMA DI TERENGGANU DALAM BIDANG PENDIDIKAN, PENTADBIRAN DAN POLITIK, 1910-1961**

## **ABSTRAK**

Penulisan tesis ini bertujuan melihat sejauh mana peranan yang dimainkan oleh golongan elit agama di Terengganu khususnya sepanjang tempoh 1910 hingga 1961. Penglibatan golongan elit agama dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan politik dapat menjelaskan peranan golongan elit agama dalam perkembangan sosio-politik negeri Terengganu. Dalam bidang pendidikan golongan elit agama bertumpu kepada wadah yang berlandaskan kehendak Islam. Dalam bidang pentadbiran pula, penglibatan golongan elit agama sebagai pentadbir menunjukkan kemampuan golongan elit agama menjawat jawatan penting dan berjaya mentadbir dengan baik.

Begitu juga dalam bidang politik, golongan elit agama terlibat secara langsung dalam arena politik lebih-lebih lagi kerana kehendak masyarakat kepada golongan elit berpengetahuan agama Islam. Pada era penjajahan mereka turut diuji sejauhmana golongan elit agama berperanan bagi memastikan '*survival*' negeri Terengganu. Golongan elit agama turut menggunakan pelbagai cara termasuk secara diplomasi, perjuangan bersenjata sehinggalah menjadi aktivis dalam sistem kepartian dan pilihanraya. Cabaran dan perjuangan ketika berhadapan dengan penjajah, banyak memberi kesan positif dan negatif tetapi semua ini memamatkan perjuangan golongan elit agama.

Analisis turut dilakukan bagi mengenal pasti punca-punca yang membawa kepada tindakan yang dibuat, bentuk-bentuk gerak kerja dan kesannya dalam bidang



pendidikan, pentadbiran dan politik. Peranan golongan elit agama dikaji secara bersama dalam ketiga-tiga bidang dibuat bagi menghasilkan maklumat yang bersepadu. Sebagai golongan celik huruf, golongan elit agama jelas memainkan peranan penting sejak zaman tradisional, penjajahan dan setelah mencapai kemerdekaan. Selain Kelantan, Terengganu turut menjadi kubu kuat golongan elit agama hingga kini.

# **THE ROLES OF TERENGGANU RELIGIOUS ELITE IN EDUCATION, ADMINISTRATION, AND POLITIC, 1910-1961**

## **ABSTRACT**

This thesis aims to see how far is the role played by the religious elites in Terengganu especially between 1910 - 1961. Their involvement in the fields of education, administration and politics would explain their prominent roles in the Terengganu socio-politics development. In education, the religious elites focused on the platform which was based on Islamic Principles. Whereas in administration, they have proven their outstanding capabilities by holding high ranking posts and their abilities to govern efficiently.

They were also actively involved in politics as the community preferred those with strong religious back ground to be their political leaders. The religious elites were tested greatly during the colonization period in order to ensure the survival of the state of Terengganu. In their struggle, various ways were used such as diplomacy, the use of weapons and even confronting the challenges of forming parties and holding polls or elections. The challenges and struggle for freedom of the country against the colonists have brought about many positive and negative effects which have only strengthened their fight.

Analysis have been carried to identify the causes which led to their overall actions in all fields education, administration and politics. This research covers the religious elites roles in all the three main fields in order to produce a complete and wholesome information. The religious elites have played important roles as they were the literate and educated group since the traditional era, under colonization and until the country achieved its independence. Besides Kelantan, Terengganu was also the main fort for the religious elites until now.



# BAB 1 PENDAHULUAN

## 1.0 Pengenalan

Golongan elit agama terdiri daripada golongan yang bergelar ulama. Golongan elit agama mungkin pemimpin-pemimpin kerajaan, pembesar-pembesar, tokoh agama, dan pemimpin masyarakat yang mempunyai pengetahuan agama yang luas serta dapat memberi tunjuk ajar kepada masyarakat atau sekurang-kurangnya pendakwah yang berpengetahuan asas tentang Islam.<sup>1</sup> Golongan elit agama telah memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat Islam dari zaman awal Islam hingga ke hari ini. Mereka digelar dengan pelbagai gelaran yang menunjukkan tahap kedudukan ilmu dan status penghormatan masyarakat kepada mereka sama ada bergelar Faqih, Imam, Kadhi, Kiyai, Lebai, Makhdun, Maulana, Mualim, Munsyi, Sidi, Sheikh, Tok Guru, Teungku, Ulama, Ustaz atau wali.<sup>2</sup>

Peranan golongan elit agama di Terengganu merupakan sesuatu yang unik berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Shahril Talib Robert menyatakan;

“...keturunan ulama sangat penting dalam struktur kepimpinan masyarakat Terengganu. Mereka terdiri daripada alim ulamak, guru, penasihat dan menteri. Tambahan ikatan yang kuat dengan perkahwinan golongan tersebut dengan kerabat diraja.”<sup>3</sup>

Begitu juga pendapat yang dikemukakan oleh Khoo Kay Kim, beliau mengatakan bahawa pengaruh Islam lebih penting di Terengganu berbanding kes-kes di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan yang lebih menonjolkan peranan pembesar tradisional.

---

<sup>1</sup> Muhamamad Abu Bakar, 1991. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Terengganu: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, hlm.3.

<sup>2</sup> *Ibid.* hlm.3

<sup>3</sup> Shahril Talib Robert, 1977. *The Terengganu Ruling Class In The Late Nineteenth Century*, JMBRAS vol.50 pt.2, hlm.40

Peranan golongan elit agama tidak terhad dalam bidang keagamaan sahaja, bahkan meliputi kepentingan bangsa Melayu khususnya di Terengganu. Hal ini menunjukkan bahawa peranan elit agama ini mempunyai tanggungjawab yang amat besar bukan sekadar menjadi pemimpin dalam ibadat bahkan dalam semua aspek kehidupan. Dalam konteks masyarakat tradisional Melayu, sejarah menunjukkan bahawa proses penyebaran Islam di Tanah Melayu bermula daripada raja atau sultan kemudian diikuti oleh rakyat jelata. Pendakwah Islam yang terawal lebih menumpukan usaha untuk mengislamkan raja terlebih dahulu kerana kejayaan mengislamkan raja akan memberi kesan yang menyeluruh. Perkara ini jelas dapat dilihat dalam Undang-Undang Tubuh, dalam Fasal Yang Kedua Pada Menyatakan Syarat-syarat Raja, iaitu raja yang memerintah kerajaan Terengganu selamanya mesti beragama Islam berbangsa Melayu, dan darah daging keturunan sultan-sultan yang memerintah kerajaan Terengganu.<sup>4</sup> Syarat tersebut terutama meletakkan agama Islam menunjukkan bahawa

### **1.1 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan kedudukan, status dan peranan yang dimainkan oleh golongan elit agama pada zaman penjajahan sehinggalah Malaysia mencapai kemerdekaan. Dalam tempoh tersebut perjuangan golongan elit agama tidak pernah mengenal erti lelah atau kesusahan menyebabkan penjajah bekerja keras untuk menjajah negeri Terengganu khususnya. Kedudukan golongan elit agama bukan sahaja sebagai pejuang-pejuang yang hebat bahkan golongan elit agamalah yang menjadi obor kepada masyarakat dengan keraguan peranan sebagai ketua keluarga, pemimpin masyarakat, pendidik dan guru agama.

---

<sup>4</sup> Transkripsi “ Itqa Al-Muluk Bita’ dil Al-Suluk” Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu Tahun 1911

Tesis ini juga menyelesaikan persoalan yang timbul berkait dengan penglibatan golongan elit agama dalam pemerintahan Terengganu. Pada akhir kajian ini dapat mendedahkan sistem pemerintahan negeri Terengganu dan hubung kait dengan peranan golongan elit agama dalam mempertahankan sistem yang difahami oleh mereka. Hal ini diharapkan dapat menjelaskan persoalan sebab Terengganu merupakan negeri terakhir yang menerima penjajahan British pada tahun 1919.

Kajian ini juga bertujuan menjelaskan peranan tokoh-tokoh awal yang bertanggungjawab membawa perkembangan Islam ke Terengganu. Seterusnya penyelidikan ini dapat melihat pendirian dan peranan golongan elit agama dalam pentadbiran, politik dan pendidikan. Golongan elit agama juga turut menghadapi penjajah dan pihak-pihak yang berkait. Di samping itu kajian ini diharapkan dapat menjelaskan kesinambungan perjuangan golongan agama semasa mereka menghadapi perubahan zaman dan perubahan sistem politik dari sebelum 1910 hingga 1959.

Lokasi kajian ini meliputi seluruh negeri Terengganu tetapi lebih bertumpu di Kuala Terengganu kerana sebahagian besar aktiviti golongan elit agama menjadikan pusat pentadbiran negeri sebagai pusat aktiviti dan sebahagian besar juga tinggal disekitar bandar Kuala Terengganu. ini menjadi tumpuan kegiatan mereka kerana ia merupakan pusat pentadbiran negeri. Namun begitu, tempat-tempat lain seperti di Besut, Kemaman, Dungun, Hulu Terengganu dan Marang turut menjadi tumpuan yang ada kaitan langsung dengan bidang kajian.. Secara tidak langsung, selain mengkaji peristiwa yang berlaku di negeri Terengganu, penyelidik juga turut membincangkan peristiwa yang sama yang berlaku di negeri-negeri lain di Tanah Melayu pada tempoh yang sama.

## **1.2 Justifikasi Kajian**

Peranan golongan elit, sumbangan dan pengorbanan golongan elit agama terhadap sejarah negara sering dipandang serong dan menafikan sumbangan mereka.. Mereka digambarkan sebagai manusia yang hanya mampu dan layak menguruskan urusan *ritual* keagamaan seperti ibadat sembahyang, puasa, zakat, dan menguruskan kematian dan seumpamanya. Selain itu, lokasi mereka bukan sahaja berada dalam lingkungan surau dan masjid malah sehinggalah di peringkat pemerintahan negara. Oleh itu mereka harus berada pada tempat yang sewajarnya dari segi peranan sejarah mereka agar sejarah tanpa menafikan dan mengaburkan sumbangan golongan tersebut. Tidak dapat dinafikan banyak usaha telah dilakukan untuk mengembalikan kedudukan golongan elit agama ini tetapi masih tidak mencukupi. Justifikasi kepentingan dan kesedaran itulah penulis berhasrat meneruskan usaha-usaha meletakkan kedudukan dan peranan golongan elit agama dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan politik khususnya di Terengganu khusus bagi tempoh 1910 hingga 1961.

## **1.3 Skop Kajian**

Kajian melibatkan golongan elit agama dalam konteks yang lebih luas, tidak terhad kepada mereka yang bergelar ulama sahaja bahkan golongan ilmuan lain yang mempunyai latar belakang pendidikan agama, dan terlibat dalam pelbagai bidang dan dalam pelbagai lapisan masyarakat. Di samping itu, penulisan ini turut menyentuh golongan lain yang ada hubungan dengan elit agama, seperti golongan nasionalis, komunis, sosialis dan sebagainya sama ada individu, kumpulan atau kelompok yang terlibat sepanjang tempoh tersebut.

Dari segi peranan golongan elit agama pula, tidak terhad kepada bidang agama yang sering dikaitkan dengan ibadat sahaja. Oleh itu bidang kajian ini melibatkan peranan golongan elit agama dalam konteks yang lebih luas termasuk pendidikan, pentadbiran dan politik. Skop kajian meliputi tempoh antara tahun 1910 hingga tahun 1961. Tempoh kajian ini merangkumi zaman tradisional, zaman penjajahan dan zaman awal kemerdekaan. Meskipun boleh dibuat perbezaan masa berdasarkan corak masyarakat dan pemerintahan tetapi pada masa yang sama dapat dilihat kesinambungan dari satu tempoh kepada tempoh yang berikutnya.

Kajian ini turut menyentuh hal-hal berkait dengan pertubuhan-pertubuhan politik seperti KMM, PKMM, UMNO, PAS dan pertubuhan-pertubuhan bukan politik yang menjalankan aktiviti politik tetapi berselindung disebalik pertubuhan-pertubuhan sosial dan ekonomi seperti PASPAM Cawangan Terengganu, PERKASA dan Persekutuan Melayu Dungun

#### **1.4 Kajian Lepas**

Pengkaji-pengkaji seperti Heather Sutherland, Shahril Talib Robert, Muhammad Yusuf Hashim, Muhammad Abu Bakar, Shafie Abu Bakar dan beberapa orang lagi pengkaji telah membuat kajian dan penulisan berkait dengan golongan elit, tokoh-tokoh ulama, pentadbir-pentadbir, dan tokoh-tokoh politik dalam tempoh sebelum dan selepas Tanah Melayu kemerdekaan.

Ahli sejarah, Heather Sutherland telah menjalankan kajian tentang kedudukan golongan elit di Terengganu, dalam tulisannya bertajuk *The Taming of The Trengganu*



*Elite*.<sup>5</sup> Beliau mendapati struktur pemerintahan di Terengganu dapat dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu golongan atasan atau golongan elit yang terdiri daripada sultan, pentadbir dan golongan agama. Di peringkat kedua pula terdiri daripada golongan pertengahan yang terdiri daripada golongan peguam walaupun tidak mendapat latihan formal yang dikenali sebagai wakil, peguam atau loyar.<sup>6</sup> Peringkat yang paling bawah pula ialah golongan rakyat biasa.

Perbincangan yang dibuat oleh Heather Sutherland secara keseluruhannya menyentuh corak pemerintahan dan peranan golongan elit tersebut. Beliau meletakkan sistem yang ada amat buruk, tidak sesuai dan praktikal dengan melabelkan negeri Terengganu negeri yang tidak memiliki undang-undang bertulis, mahkamah dan polis.<sup>7</sup> Pemerintahan Terengganu dibahagikan kepada empat kawasan atau wilayah yang meliputi kawasan Kuala Terengganu, Kemaman, Besut dan Ulu. Golongan-golongan elit telah diberi kuasa oleh sultan untuk mentadbir wilayah-wilayah. Kawasan Besut diketuai oleh keluarga Tunku Long dan kawasan Kemaman dikawal oleh Dato' Seri Lela Diraja Abdul Rahman Ishak dan diberikan kuasa autonomi.<sup>8</sup> Kawasan Hulu Terengganu ditadbir oleh wakil golongan orang asli (Sakai)<sup>9</sup>, manakala wilayah Kuala Terengganu merupakan pusat pemerintahan diletakkan di bawah kuasa sultan.

Sutherland membahagikan golongan elit kepada Sultan, yang mempunyai kuasa tidak terbatas, diikuti dengan golongan Kerabat Diraja dan Kerabat Am. Satu golongan elit lagi ialah golongan yang terdiri daripada pentadbir dan pegawai kerajaan yang tinggal

---

<sup>5</sup> Heather Sutherland, 1978. "The Taming of the Trengganu Elite", dlm., Ruth T.McVey, *Southeast Asian Transitions Approaches Through Social History*, London:Yale University Press, hlm.32-85.

<sup>6</sup> *ibid.* hlm.50

<sup>7</sup> *ibid.*, hlm. 32

<sup>8</sup> *ibid.* hlm. 42

<sup>9</sup> *ibid.*

di Kampung Kling dan dikenali dengan Kampung Datuk. Jelas pada awal abad ke-20 golongan ini menjawat jawatan tinggi kerajaan.<sup>10</sup> Golongan elit seterusnya ialah golongan elit agama yang menetap di beberapa tempat misalnya di Pulau Duyong dan Bukit Bayas. Antara tokoh ulama ialah Sheikh Abdul Kadir yang mendapat tempat semasa pemerintahan Baginda Omar lagi. Begitu juga halnya dengan Haji Abdullah bin Muhammad Amin yang dikenali dengan nama Tok Syeikh Duyong yang menjawat jawatan penting dalam kerajaan seperti mufti dan sebagainya. Selain itu, ulama dari keturunan al-Idrus yang berasal dari Hadramaut turut memainkan peranan penting seperti Sheikhul-Ulama, mufti dan sebagainya.<sup>11</sup>

Selain dari mengemukakan bentuk dan perjalanan sistem pemerintahan tempatan beliau turut membincangkan penentangan daripada golongan elit terhadap usaha British memperkenalkan sistem British dalam pentadbiran dan undang-undang. Penulisan beliau juga berlanjutan sehingga peristiwa penentangan tani, pada tahun 1928 di Hulu Terengganu yang menganggap ulama Haji Abdul Rahman Limbong sebagai punca utama yang membawa kepada tercetusnya peristiwa tersebut.

Dalam kajian Shahril Robert Talib turut mengupas struktur masyarakat Terengganu. Menurut beliau dalam konteks struktur masyarakat tradisional Terengganu terdapat dua kelas sosial iaitu kelas pemerintah atau *ruling class* dan kelas yang diperintah atau kelas bawahan. Jadi bagi Shahril Robert Talib, kelas pemerintah inilah dikategori sebagai golongan elit. Golongan elit ini terdiri daripada Kerabat Diraja, Kerabat Am dan Ulama dan Orang Keistimewaaan.<sup>12</sup> Golongan Kerabat Diraja terdiri daripada Sultan dan Tengku

---

<sup>10</sup> *ibid.*, hlm. 44

<sup>11</sup> *ibid.*, hlm. 46

<sup>12</sup> Shahril Talib Robert, *The Terengganu Ruling Class In The Late Nineteeth Century*, JMBRAS vol.50 pt.2,1977, hlm..26

Ampuan, keturunan darah sultan meliputi putera, puteri, adik-beradik lelaki dan perempuan sultan, ibu dan bapa sultan serta anak saudara sultan. Golongan kedua daripada kumpulan elit ini ialah Kerabat Am yang mendapat gelaran Tengku tetapi tidak tergolong dalam kategori Kerabat Diraja. Kumpulan ketiga ialah yang bergelar ulama. Kumpulan elit ini telah mendapat tempat dalam pemerintahan dalam tradisi kesultanan Terengganu. Golongan elit agama dipanggil dengan berbagai-bagai gelaran seperti Sayyid, Sheikh, Syariff, Ungku dan Tunku. Panggilan ini mudah dibezakan daripada anggota lain. Ulama-ulama yang terlibat di dalam pemerintahan berperanan sebagai penasihat, Ahli Mesyuarat Kerajaan, guru agama dan sebagainya. Selain itu, keanggotaan beberapa ulama dalam Jemaah Pangkuan Negeri menjadikan suatu tradisi yang merupakan tenaga kuat dari segi pengaruh dan perlantikan seseorang raja baharu. Shahril Robert Talib menjelaskan;

“Ulamak merupakan kumpulan ketiga yang dikenalpasti sebagai elemen yang jelas dalam kelas pemerintahan Terengganu. Pada awal abad ke-20, Terengganu terkenal sebagai pusat keagamaan di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu. Mereka terdiri daripada golongan Sayyid, iaitu keturunan nabi dan rasul dan orang-orang telah mengerjakan haji di Mekah. Mereka juga mempunyai asas dalam doktrin dan undang-undang agama”.<sup>13</sup>

Selain itu, Orang Keistimewaan merupakan kelompok terakhir dalam kumpulan elit tradisional. Golongan ini sebenarnya golongan orang kebiasaan yang dapat memasuki kumpulan ini dengan tradisi kekeluargaan. Keturunan Che Abuan anak kepada Paduka Seri Wangsa Johor yang datang bersama-sama Sultan Zainal Abidin I dan dilantik menjadi menteri. Kemudian daripada jurai keturunan inilah yang melahirkan Dato' Seri Amar Diraja Haji Ngah Muhammad bin Yusof yang menjadi pembesar kepada tiga orang Sultan, bermula dengan Sultan Zainal Abidin III, Sultan Muhammad Syah, dan Sultan Sulaiman.

---

<sup>13</sup> Shahril Talib, 1984. *After its Own Image : The Terengganu Experience 1881-1941*, Singapore Oxford University Press, hlm.13.

Shaharil Talib Robert juga mengkaji Terengganu dari sudut pentadbiran, politik, dan ekonomi bagi jangka waktu 1881 hingga tahun 1941<sup>14</sup>. Kajian beliau meliputi era pemerintahan Sultan Zainal Abidin III yang menghadapi pertembungan dengan British bagi mengekalkan kedaulatan negeri daripada dijajah. Kajian beliau juga berkait dengan kesan sistem pemerintahan British yang diperkenalkan terhadap peristiwa penentangan tani 1928. Beliau melihat penyebab kepada meletusnya peristiwa tersebut lebih disebabkan oleh faktor ekonomi dan sosial seperti isu-isu pemilikan tanah, isu Cop Kurnia, cukai tanah, pas kebenaran dan undang-undang petempatan penduduk yang dikenakan oleh British dalam pentadbiran Terengganu.

Muhammad Abu Bakar (1991),<sup>15</sup> menulis tentang tokoh-tokoh agama dalam bentuk penulisan biografi mengikut konteks masa dan tempat masing-masing. Setiap tokoh dipaparkan tentang corak kehidupan secara umum dan penglibatan dalam aktiviti sosial merentasi empat abad dari zaman Sheikh Abdul Malik sehingga kelahiran Tok Guru Haji Abas.

Peristiwa Penentangan Tani 1928 telah menarik perhatian pengkaji-pengkaji mengkaji dari sudut yang berbeza. Mohamed Endut(1970)<sup>16</sup> mengkategorikan penderhakaan terhadap raja, pembesar dan British. Pengkaji mendapati penderhakaan ini lebih kepada pelanggaran kepada adat Melayu yang menghendaki setiap rakyat patuh kepada raja tanpa berbelah bahagi.

---

<sup>14</sup> Shaharil Talib Robert, 1984. *After Its Own Image: The Terengganu Experience 1881-1941*, oxford University.

<sup>15</sup> Muhammad Abu Bakar, 1991. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Terengganu: Utusan Pub. & Dist. Sdn. Bhd. Untuk Jawatankuasa Koleksi Terengganu.

<sup>16</sup> Mohamed Endut, 1970. *Penderhakaan di Terengganu*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abdullah Zakaria Ghazali(1976)<sup>17</sup> dan Timah Hamzah(1981)<sup>18</sup> melihat punca yang membawa kepada peristiwa yang berlaku disebabkan oleh faktor-faktor agama, politik, ekonomi dan sosial. Hal-hal yang berkait dengan cukai, undang-undang tanah, bencana alam, kemiskinan, struktur pentadbiran, ancaman terhadap agama Islam dan peranan beberapa orang tokoh golongan elit agama termasuk Haji Abdul Rahman Limbong membawa kepada terjadinya peristiwa tersebut.

Kajian Zahadi Hj. Mohd(1996),<sup>19</sup> mendapati perjuangan umat Islam Terengganu adalah suatu bentuk jihad seperti yang dianjurkan dalam ajaran Islam. Beliau menjelaskan beberapa bentuk jihad iaitu berjuang dengan senjata, berjihad menggunakan tulisan dan menggunakan medan diplomasi bagi menghadapi British di Terengganu. Penentangan oleh golongan pejuang Islam menentang British bermula ada zaman Sultan Zainal Abidin III dan diakhiri dengan perjuangan oleh Haji Abdul Rahman Limbong.

Che Wan Takwa Che Wan Abu Bakar mengkaji tentang Institusi Pendidikan Islam di Kuala Terengganu di dalam tesis sarjananya memerihai dan membincangkan tentang perubahan dan perkembangan institusi pengajian agama yang pernah tertubuh di Kuala Terengganu khususnya daripada keadaannya serba kekurangan kepada tahap-tahap yang lebih maju sehingga terdirinya institusi pondok menjadi madrasah, sekolah dan kolej.

Secara keseluruhannya kajian tentang golongan elit agama yang telah oleh pengkaji-pengkaji awal lebih menumpukan kepada golongan elit agama atasan seperti

---

<sup>17</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, 1976. Kekacauan dan Kebangkitan Terengganu 1921-1928, Tesis MA, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>18</sup> Timah Hamzah, 1981. Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>19</sup> Zahadi Hj Mohd, 1996. Perjuangan Jihad Umat Islam Terengganu Menentang British: 1881-1928, Tesis MA, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

ulama dengan tidak memberi tumpuan kepada kumpulan elit agama lain seperti guru-guru agama, guru-guru pondok dan sebagainya. Manakala peranan golongan elit agama disentuh secara umum seperti keturunan elit dan peranan dalam kerajaan ketika semasa. Selain itu, terdapat juga kajian yang berbentuk biografi. Kajian ini memberi tumpuan kepada golongan elit agama yang terlibat dalam bidang pentadbiran, politik dan pendidikan sepanjang pemerintahan British hingga zaman awal kemerdekaan.

## **1.5 Metadologi Kajian**

Bagi memantapkan penulisan kajian ini, penyelidik akan menggunakan beberapa kaedah untuk menghasilkan sebuah penulisan yang baik. Memandangkan kajian ini merangkumi 51 tahun iaitu dari tahun 1910 hingga 1961, penggunaan sumber pertama dan kedua sangat penting bagi menghasilkan penulisan sejarah yang baik dan boleh diterima umum. Oleh itu, pelbagai dokumen rasmi dan tidak rasmi, termasuk buku-buku, hasil temuramah, dan lain-lain lagi menjadi rujukan bagi menghasilkan kajian ini.

### **1.5.1 Kajian Sumber**

Bagi menguatkan hujah dalam penulisan tesis ini penggunaan sumber pertama amat penting. Sumber pertama merupakan sumber yang sangat relevan dan menjadi rujukan utama seperti dokumen rasmi, surat-surat persendirian, gambar dan pengalaman mereka yang terlibat. Penyelidikan ini sukar untuk mendapatkan sumber lisan kerana mereka yang terlibat sepanjang tempoh kajian telah meninggal dunia dan sukar dikesan.

Sumber yang menjadi tumpuan adalah berdasarkan dokumen-dokumen, surat-surat rasmi, fail-fail persendirian, fail-fail sulit dan akhbar-akhbar lama yang terdapat di Arkib Negara Cawangan Terengganu dan Arkib Negara Kuala Lumpur, Pejabat Persatuan

Sejarah Cawangan Terengganu, Suruhanjaya Pilihanraya dan Muzium Terengganu. Penulis juga berjaya mendapatkan koleksi keluarga Dato' Seri Amar Di Raja Haji Ngah Yusof. Selain itu, penyelidik juga mendapatkan sumber-sumber daripada pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Terengganu, Pejabat UMNO Negeri Terengganu, dan Pejabat PAS Negeri Terengganu.

Selain sumber pertama, penyelidik berusaha memperkuat penulisan kajian ini ke atas sumber-sumber kedua. Penggunaan sumber kedua juga penting bagi memastikan wujudnya kesinambungan dan keseragaman antara sumber pertama dengan sumber kedua dalam bentuk kajian sejarah yang pernah dilakukan oleh para pengkaji sejarah sebelum ini. Lantaran kajian sumber yang terdapat di perpustakaan antaranya Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, Perpustakaan USM, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Muzium Negeri Terengganu, Perpustakaan Persatuan Sejarah Cawangan Terengganu.


## **1.6 Definisi Elit**

Banyak tafsiran telah diberikan tentang konsep elit. Ada sarjana yang mentafsirkan golongan elit sebagai satu kelompok kecil yang menyandang jawatan tinggi dalam kerajaan tentera, politik, agama, ekonomi, pelajaran, organisasi massa dan profesional. Kelompok ini juga dikatakan golongan yang kaya dan berkedudukan tinggi dalam masyarakat. Golongan elit juga termasuk golongan yang berpendidikan, sama ada pemerintah dan bukan pemerintah, individu luar kerajaan, seperti intelektual, sasterawan atau ulama yang terdidik dalam sistem nilai politik, sosial dan kebudayaan yang agak sama atau setaraf dengan golongan pemerintah. Golongan elit bukan pemerintah boleh

mempengaruhi kerajaan atau masyarakatnya dengan penyebaran ideanya melalui surat khabar, majalah, buku atau risalah.<sup>20</sup>

Bagi kes Terengganu, Heather Sutherland, membincangkan elit dalam dalam konteks Terengganu semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, beliau menjelaskan terdapat dua kelas dalam sistem sosial iaitu kelas elit dan kelas pengikut atau rakyat. Golongan elit di Terengganu dapat dibahagikan kepada lima kelas. Kelas pertama terdiri daripada sultan, kerabat, pentadbir pusat dan wilayah, golongan agama dan pegawai kerajaan. Pandangan Heather Sutherland dapat diringkaskan seperti jadual di bawah;

Rajah 1.1: Kedudukan Elit Terengganu Mengikut Heather Sutherland



(Sumber: Heather Sutherland, *The Taming of the Trengganu Elite*, dlm., Ruth T. McVey, *Southeast Asian Transition Approaches Through Social History*, Yale University Press, London) hlm. 40-53.

Bagi Shahril Robert Talib, kelas pemerintah dikategori sebagai golongan elit dan kelas yang diperintah atau rakyat bawahan. Golongan elit ini terdiri daripada Kerabat

<sup>20</sup> T. Bottomore, 1964. *Elites and Society*, London: C.A. Watts, hlm. 7-20.



Diraja, Kerabat Am, Ulama dan Orang Keistimewaaan.<sup>21</sup> Dalam golongan Kerabat Diraja terdiri daripada Sultan dan Tengku Ampuan, keturunan darah sultan meliputi putera, puteri, adik-beradik lelaki dan perempuan sultan, ibu dan bapa sultan serta anak saudara sultan. Golongan kedua dalam kumpulan elit ini terdiri daripada Kerabat Am yang mendapat gelaran Tengku tetapi tidak tergolong di dalam kategori Kerabat Diraja dan dijelaskan dengan rajah di bawah.

Rajah 1.2: **Kedudukan Golongan Elit Terengganu Mengikut Shahril Talib Robert**



(Sumber: Shahril Talib Robert, *The Terengganu Ruling Class In The Late Nineteenth Century*, JMBRAS vol.50 pt.2,1977.)

Ulama adalah kata jamak yang bermaksud banyak dari kata dasarnya alim. Ia membawa erti orang-orang berilmu atau orang-orang yang berpengetahuan. Perkataan ulamak apabila tidak dipadankan dengan perkataan membawa erti yang sangat luas meliputi semua orang berilmu, baik ilmu agama mahupun bukan ilmu-ilmu agama.

<sup>21</sup> Shahril Talib Robert, *The Terengganu Ruling Class In The Late Nineteenth Century*, JMBRAS vol.50 pt.2,1977, hlm.26

Apabila dipadankan dengan perkataan lain, pengertiannya terbatas kepada perkara yang dihubungkan itu. Contohnya Ulama Fekah bermaksud orang yang mahir dalam ilmu Fekah. Begitu juga Ulama Tafsir menjelaskan tentang orang yang pakar dalam bidang ilmu hadis.<sup>22</sup>

Dengan ini perkataan ulamak ialah orang yang mendalami pengetahuan keagamaan yang berkaitan dengan ilmu-ilmu Islam berserta cabang-cabangnya seperti ilmu-ilmu tafsir, hadis, fekah, ilmu kalam, Bahasa Arab, termasuklah alat-alatnya seperti ilmu Sorof, Nahu, Ma'ani, Bayan, Badi, Balaghah dan sebagainya. Fekah bermaksud orang yang mahir dalam ilmu Fekah. Begitu juga Ulama Tafsir menjelaskan orang yang pakar dalam bidang ilmu hadis.<sup>23</sup> Oleh itu, sudah semestinya seorang ulamak itu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang ilmu akidah, syariah, ibadah, muamalah dan berakhlak.

Selain itu, terdapat dua kategori ulamak iaitu yang pertama ulamak hujjah dan hajjah.<sup>24</sup> Ulamak ini sanggup menyetepikan kepentingan peribadi, sanggup berkorban nyawa dan harta, dan berani menyatakan yang benar dan salah tanpa mengira kedudukan. Mereka seorang yang alim dan kuat berpegang kepada agamanya. Berbanding dengan *ulamak mahjuj* iaitu seorang ulamak yang alim dan mempunyai ilmu yang tinggi tetapi akhlaknya buruk, tamak pada kebendaan serta tidak memanfaatkan ilmu yang ada pada mereka.<sup>25</sup> Muhammad Abu Bakar memetik Imam Ghazali tentang pentingnya peranan

---

<sup>22</sup> Dr. Basri Ibrahim, 1997. Ulama Pewaris Nabi: Sifat dan Akhlak serta Peranannya, Kuala Lumpur: Darul Nu'man, hlm. 9.

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> *Ibid.*, hlm. 41 & 42

ulamak dan kerosakan ulamak menjadi punca kerosakan kepimpinan rakyat dan lebih parah apabila ulamak merosakkan diri sehingga tidak mampu berfungsi lagi.<sup>26</sup>

Kesimpulannya, elit perlu dilihat dan ditakrif dengan pengertian yang luas dan golongan elit berperanan luas dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan politik. Sebagai rumusan golongan elit ialah satu kelompok kecil yang menyandang jawatan tinggi dalam kerajaan, tentera, politik, agama, ekonomi, pelajaran, organisasi massa dan profesionalisme.<sup>27</sup> Kelompok ini juga dikatakan golongan yang kaya dan berkedudukan tinggi dalam masyarakat. Mereka merupakan golongan yang berpendidikan, sama ada dalam kalangan pemerintah atau bukan pemerintah, mereka yang mungkin individu yang berada di luar kerajaan, seperti intelektual, sasterawan atau ulama.

## 1.7 Organisasi Teks

Tesis ini disusun sebanyak lima bab iaitu;

### **Bab Satu::**

Bab ini bermula dengan pengenalan, objektif kajian dan justifikasi kajian . Turut diberi perhatian ialah skop kajian, kajian-kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji. Selain itu sumber-sumber kajian termasuk sumber pertama dan kedua, metodologi, dan masalah penyelidikan turut dijelaskan.

---

<sup>26</sup> Muhammad Bakar,1991. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur:Utusan Publication & Dist.,Kuala Terengganu,hlm.40.

<sup>27</sup> Mohammad Isa Othman,1990.*Politik Tradisional Kedah 1681 – 1942*,Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 1

## **Bab Dua:**

Bab ini membicarakan tentang perkembangan golongan elit agama di Terengganu dengan menjelaskan sejarah awal Terengganu sehingga sejarah kemasukan Islam dan golongan elit agama yang bertanggungjawab mengembangkan ajaran Islam. Di samping itu, juga persoalan utama yang diberi penekanan ialah kedudukan dan peranan golongan elit agama yang terlibat dalam pentadbiran, politik dan pendidikan sebelum tahun 1910. Tumpuan khusus bermula pada zaman Sultan Zainal Abidin I sehingga pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Dalam tempoh ini dibincangkan tokoh-tokoh yang terlibat termasuk sultan sendiri yang merupakan ketua agama dan diikuti tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pendidikan, pentadbiran, dan politik.

## **Bab Tiga:**

Bab ini memberi tumpuan kepada kedudukan dan peranan golongan elit agama dalam pendidikan, pentadbiran, dan politik. Kemampuan golongan elit agama bukan sahaja mahir dalam bidang amal ibadat bahkan mereka mampu menjadi pentadbir dalam organisasi kerajaan. Mereka dilihat bertindak mengikut kemampuan dan kedudukan mereka baik sebagai sultan, mufti, mahupun sebagai pembesar dan sebagainya. Selain itu, berlaku konflik antara golongan elit agama di luar kerajaan yang menentang peraturan kerajaan dengan pihak kerajaan yang diketuai oleh pentadbir British, pentadbir tempatan termasuk sultan dan juga golongan elit agama dalam kerajaan. Konflik yang dikenali dengan penentangan tani yang membawa kepada kematian turut melibatkan Sarekat Islam turut dikaji. Hal ini dapat dilihat sehingga tahun 1942.

**Bab Empat:**

Bab ini menumpukan kajian bagi jangka waktu 1942-61. Beberapa perubahan dari segi pentadbiran dan politik, berlaku di Terengganu. Selepas kekalahan Jepun berlaku keadaan tidak menentu apabila berlaku keganasan Bintang Tiga sehinggalah kehadiran tentera British. Keadaan itu turut mempengaruhi tindakan golongan elit agama terutama dalam perjuangan mereka. Dalam tempoh ini keadaan politik semakin mencabar dengan pentadbiran British cuba membentuk negara dengan acuan mereka dengan memperkenalkan Malayan Union. Kegagalan Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu turut memperkenalkan sistem pilihanraya untuk memilih wakil-wakil. Dalam hal ini golongan elit agama tidak ketinggalan bersaing untuk memastikan ideologi keagamaan menjadi dasar negara. Maka bentuk-bentuk persaingan ini turut dikaji oleh penulis sehingga tahun 1961.

**Bab Lima:**

Dalam bab ini diulas dan dirumuskan tentang peranan dan bentuk-bentuk perjuangan serta penglibatan golongan elit agama dalam sejarah Terengganu.



## BAB 2 PERKEMBANGAN GOLONGAN ELIT AGAMA DI TERENGGANU SEBELUM TAHUN 1910

### 2.1 Sejarah Awal Terengganu

Sejarah awal negeri Terengganu agak kabur ketepatan fakta-faktanya. Namun begitu, daripada beberapa catatan ahli sejarah asing membantu penyelidik menjelaskan sejarah awal. Seorang ahli geografi Greek bernama Ptolemy telah menulis sebuah buku Geografi pada tahun 150 Masihi. Beliau menamakan dua buah tempat yang dikenali 'Kole' dan 'Primula' yang terletak di timur Semenanjung Emas atau *Golden Khersonese*.<sup>1</sup> Walaupun tidak disebut dengan jelas tetapi para sarjana berpendapat bahawa 'Kole' dan 'Primula' terletak di negeri Terengganu.<sup>2</sup> Kole dikatakan terletak di Kuala Sungai Kemaman, manakala Primula terletak di Kuala Sungai Terengganu.<sup>3</sup>

Bukti-bukti menunjukkan bahawa terdapat petempatan manusia awal di Kampung Lubuk Periuk, Hulu Terengganu dengan penemuan gelang tanah, sejenis alat yang sama dijumpai di Gua Char di Kelantan dan di Sungai Tembeling, Pahang. Begitu juga tempayan tanah liat yang dijumpai di Gua Bukit Taat, tidak jauh dari Gunung Bewah,<sup>4</sup> penemuan pelbagai alat yang digunakan oleh manusia pada zaman praneolitik. Hal ini menunjukkan hubungan antara penghuni yang tinggal di Hulu Terengganu dengan Gua Char, Sungai Lembing dan Kota Gelangi di Jerantut, Pahang.

Bukti-bukti lain juga menunjukkan bahawa Terengganu merupakan negeri yang telah didiami oleh manusia sejak pra-neolitik lagi. Mereka sering berpindah dari Sungai

---

<sup>1</sup> Paul Wheatley, 1996. *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, hlm. 140.

<sup>2</sup> Paul Wheatley, 1955. *The Malay Peninsular as Known to The Chinese of The Third Century AD*, JMBRAS, Vol. 32, hlm. 15

<sup>3</sup> Haji Buyong Adil, 1982. *Sejarah Terengganu*, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 6. *Lihat juga*, Prof. Madya Dr. Wan Hussein Azmi, 1981. *Perkembangan Islam di Terengganu Dari Zaman Permulaan Hingga Kini*, Kertas Seminar Kedatangan Islam di Terengganu, Kuala Terengganu, hlm. 26-27

<sup>4</sup> *Ibid.* hlm. 18 & 19.

Tembeling ke Hulu Terengganu, yang merupakan laluan penting pada zaman dahulu.<sup>5</sup> Penemuan beberapa jenis perkakas yang dibuat daripada tanah liat, alat-alat daripada batu.<sup>6</sup> Selain itu, penemuan beberapa alat purba di Gunung Bewah, Hulu Terengganu termasuk sebilah kapak batu yang cantik, dan rangka manusia pada zaman neolitik.<sup>7</sup> Bukti-bukti lain juga menunjukkan bahawa Terengganu merupakan negeri yang telah didiami oleh manusia sejak praneolitik lagi. Mereka sering berpindah dari Sungai Tembeling ke Hulu Terengganu, yang merupakan laluan penting pada zaman dahulu.<sup>8</sup> Bukti kewujudan petempatan zaman neolitik juga dikesan di Bukit Jong, Kuala Terengganu dengan penemuan sebuah penerap batu, alat yang digunakan untuk menerap pakaian kulit kayu pada tahun 1976.<sup>9</sup> Begitu juga penemuan beberapa peralatan mangkuk tembikar, kapak batu yang berusia 4 000 tahun sebelum Masihi dan penemuan dua buah gendang gangsa zaman Dong Son iaitu 300 tahun sebelum Masihi di Batu Burok, Kuala Terengganu pada 24 Oktober 1964. Gendang yang sama turut dijumpai di kawasan Sungai Tembeling. Ini menunjukkan bahawa pada zaman itu telah didatangi oleh orang-orang Indo-China.<sup>10</sup>

Kedudukan Terengganu dapat dibuktikan dengan karangan yang ditulis oleh Chao Ju Kang, seorang berbangsa Cina menceritakan tentang perniagaan orang-orang Cina di Terengganu. Chao Ju Kang menyebut Terengganu, Langkasuka, Pahang, dan Kelantan berada di bawah kekuasaan Kerajaan Palembang pada tahun 1225 Masihi.<sup>11</sup> Pada abad ke-12 sejarah negeri Terengganu mula diketahui dengan lebih jelas melalui beberapa catatan sejarahwan Cina antaranya Chao Ch'n-fei telah mengarang sebuah buku yang bertajuk

---

<sup>5</sup> M.C.FF Sheppard, M.B.E. E.O: A Short History of Terengganu, *JMBRAS*, vol.XXI, part 3, Jun 1949, hlm. 1.

<sup>6</sup> Muhammad Salleh bin Haji Awang, 1992. *Sejarah Darul Iman hingga 1361H (1942M)*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, Kuala Terengganu, hlm.13.

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> M.C.FF Sheppard, op. cit. hlm. 1

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> *Ibid.* hlm. 15.

<sup>11</sup> *Ibid.* hlm.5.



*Ling Wai Tai-ta* telah mencatatkan beberapa tempat di Asia Tenggara termasuk di Terengganu yang di sebut Teng-ya-nung.<sup>12</sup> Sementara itu, pada abad ke-13 seorang pengembara Cina yang bernama Chao Ju-kua telah menghasilkan sebuah buku bertajuk *Cu-fa-cih* pada 1226M dan menyatakan kedudukan Fo-lo-an (Kuala Berang).<sup>13</sup> Hal ini menunjukkan bahawa Fo-lo-an merupakan pusat tumpuan pedagang asing pada abad ke-13.<sup>14</sup> Pada abad ke-14 pula Terengganu yang dikenali Ting-cha-lu dalam buku sejarah pengembaraan China, *Tao-i Chih-leo* yang dikarang oleh Wang Ta-yuan pada tahun 1349 M.<sup>15</sup> Dalam sebuah buku yang ditulis oleh Cao Cu-Fei pada tahun 1178 berjudul *Ling-Wai Ta-ta* menerangkan hubungan perdagangan yang pesat di antara Negeri Cina dengan negeri-negeri di Asia Tenggara termasuk Fo-lo-an dan Teng-ya-nung.<sup>16</sup>

Dalam syair Jawa Nagara Kartagama yang ditulis oleh Prapanca menyatakan bahawa Terengganu dan Dungun berada di bawah jajahan takluk Majapahit pada tahun 1365 Masihi. Hal ini menunjukkan bahawa nama-nama tempat seperti Kemaman, Kole, Tharra (Terengganu), Dungun, dan Foloan merupakan nama-nama yang disebut dalam catatan sejarah para pedagang, penulis, sejarawan dan sejarah kerajaan-kerajaan tradisional.

Bukti ini menjelaskan bahawa Terengganu merupakan satu destinasi yang penting yang menjadi pusat perdagangan, keagamaan dan pemerintahan sejak pada zaman awal masihi hingga sekarang.

---

<sup>12</sup> Paul Wheatley, 1996. *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, hlm.68-69

<sup>13</sup> *ibid*

<sup>14</sup> Paul Wheatley, Geographical Note on Some Commodities Involved in Some Maritime Trade, *JMBRAS*, Vol.22, 1949, hlm.3

<sup>15</sup> Buyong Adil, 1974. *Sejarah Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 8

<sup>16</sup> Mohd Rani Muda, 1989. *Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Terengganu: Suatu Kajian Tentang Pelaksanaannya di Zaman Sultan Zainal Abidin III*, Kajian Ilmiah, Fakulti Syariah Universiti Malaya, hlm.2

## 2.2 Perkembangan Awal Islam di Terengganu

Kedatangan dan perkembangan Islam di Nusantara tidak dapat dipisahkan daripada suasana dan pergolakan yang berlaku di Asia Barat telah memberi kesan kepada perkembangan Islam di Nusantara. Sekiranya teori-teori hubungan awal antara Asia Barat dengan Nusantara sejak zaman generasi pertama lagi. Hal ini dibuktikan dengan penggunaan kapur barus untuk kegunaan pengurusan jenazah semasa zaman Nabi Muhammad S.A.W.<sup>17</sup>

Hubungan secara langsung yang wujud antara dunia Arab dengan Asia Tenggara berlaku kerana keperluan kepada beberapa barangan yang ada di Nusantara, dan tidak ada di tempat lain yang diperlukan oleh pedagang-pedagang Arab. Antara barangan tersebut ialah lada, kemenyan, rempah dan kapur barus. Kapur barus bukan sahaja menjadi permintaan orang-orang Arab, bahkan orang-orang Eropah juga memerlukannya.<sup>18</sup>

Terengganu merupakan negeri yang telah lama wujud selewat-lewatnya sejak abad kedua Masihi lagi. Terengganu telah dikenali orang luar terutama pedagang Arab dan India. Ini dibuktikan melalui peta yang dilukis oleh Ptolemy yang menyebut pelabuhan di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu bergelar Primula, iaitu Kuala Terengganu hari ini. Dengan kedudukannya sebagai pelabuhan yang besar menjadi tarikan kepada pedagang-pedagang tersebut. Pada zaman tradisi, Terengganu mempunyai jaringan hubungan laut yang kukuh dengan pelabuhan-pelabuhan seperti Champa, Jawa, Pattani, Borneo dan Jolo. Pedagang-pedagang dari Asia Barat yang menjalankan hubungan

---

<sup>17</sup> Abdul Rahman Abdullah, 1990. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah Perkembangannya hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, hlm. 30-31.

<sup>18</sup> Abdul Rahman Abdullah, 1989. *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional* Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd., hlm.89.

perdagangan dengan China pada abad ke-7 Masihi, telah memberi keuntungan kepada Terengganu kerana berada di antara jalan perdagangan ketika itu.

Kehadiran pedagang-pedagang dari Asia Barat pada abad 7M hingga ke-13M khususnya ke negeri Terengganu, mereka juga bertindak sebagai pendakwah-pendakwah. Perkembangan ini begitu hebat kerana Islam telah menguasai kawasan yang luas dari Sungai Jihun di Timur Parsi hingga ke Lautan Atlantik di Pantai Barat Afrika Utara dan dari Lautan India Selatan Semenanjung Tanah Arab, Dangkalan di Selatan Mesir dan hingga ke Laut Hitam. Kedatangan orang-orang Arab ke Kepulauan Melayu di Asia Tenggara serta Selatan China pada tahun 674 Masihi, menyebabkan ramai yang tinggal di pesisir Timur Sumatera. Selain itu, orang-orang Arab dari Madinah serta orang-orang daripada Kerajaan Annam dan Kemboja datang ke Kanton pada zaman pemerintahan Tang( 618-907M).<sup>19</sup>

Perkembangan tersebut lebih pesat pada abad ke-8 setelah empayar Islam dari Samarkand, Bukhara dan Afghanistan di sebelah Timur hingga ke Sepanyol di sebelah Barat. Perkembangan ilmu pengetahuan dan perdagangan begitu pesat memberi kesan yang hebat di sebelah Timur yang menyebabkan perdagangan di bandar Kanton, China dikuasai oleh orang-orang Islam. Ekoran perkembangan itu orang-orang China bertindak menyerang dan membunuh orang-orang Islam menyebabkan ramai meninggalkan Bandar tersebut dan lari ke Selatan Campa (Vietnam). Negeri Terengganu turut menjadi destinasi pelarian juga mendapat keuntungan terutama dari segi ekonomi. Pelabuhan perniagaan di Terengganu, Foloan yang membekalkan barang-barang perniagaan seperti kayu gaharu dan

---

<sup>19</sup> Prof. Madya Dato' Dr. Wan Hussein Azmi, dlm., *PESAKA IV*, "Islam di Terengganu, Ketibaan dan Perkembangannya Hingga Abad ke 12" 1987, hlm.12.

gading manakala Kemaman pula menjadi tumpuan pedagang-pedagang tersebut dengan adanya kapur baru.

Pada abad ke-9M hingga ke-10M perkembangan Islam di Perlak turut memberi kesan dengan kedatangan gerakan dakwah ke Terengganu. Kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan Islam Perlak telah dicemburui oleh Kerajaan Buddha Sri Vijaya dan kerajaan tersebut telah menyerang Kerajaan Islam Perlak Pesisir dan menyebabkan kemangkatan Sultan Perlak Alaidin Sayed Maulana Mahmud Syah. Dengan itu, Kerajaan Perlak Pesisir telah bercantum dengan Kerajaan Perlak Pedalaman di bawah pemerintahan Sultan Makhdum Malik Ibrahim Syah Johan dan memaksa tentera Sri Vijaya berundur pada tahun 1006 Masihi (395 Hijrah).<sup>20</sup> Peperangan ini turut mencetuskan semangat jihad dalam kalangan orang-orang Islam di Nusantara dan Terengganu.

Kejayaan Mahmud Ghaznawi membuka India pada 1025 Masihi (416 Hijrah), menimbulkan kemarahan Raja Sri Vijaya yang menguasai Gugusan Kepulauan Melayu, dengan menghalang kapal-kapal orang-orang Islam menggunakan Selat Melaka. Bagi mengatasi masalah untuk menjalankan urusan perdagangan dengan Kanton, Kedah menjadi laluan transit dan melalui pelabuhan Koli (Kelantan), Foloan (Kuala Berang) dan Tharrha (Kuala Terengganu). Keadaan ini menguntungkan pelabuhan-pelabuhan tersebut kerana dengan kedatangan saudagar-saudagar Arab dan Parsi menjadikan kegiatan perdagangan semakin meningkat. Selain itu kedatangan mereka juga meningkatkan lagi kegiatan dakwah dan perkembangannya di Terengganu.

---

<sup>20</sup> Ibid. hlm. 14 dan 15.